



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12 tengah hari, Rabu 25 Oktober 2023.

Untuk Terbitan Media

25 Oktober 2023

SIARAN MEDIA

WARIS BEKAS JURUGAMBAR UTUSAN TERIMA FPM, PENCEN PENAKAT PERKESO

ALERT: PENCEN PENAKAT BERJUMLAH RM2,567.50 DAN FPM RM2,000

BANGI: Meskipun hampir tiga tahun syarikat media terkemuka dalam negara Kumpulan Utusan (M) Berhad menutup operasinya, nasib keluarga yang ditinggalkan oleh bekas jurugambar Allahyarhamah Noor Azlina Jaafar masih terbela setelah layak menerima faedah menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Suami Allahyarhamah Norazlina, Muhammad Basir Abu Bakar dan tiga anak yang masing-masing berusia antara lapan sehingga 13 tahun layak menerima dua faedah daripada pihak PERKESO.

Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) PERKESO, John Riba Marin dalam sesi Ziarah Prihatin PERKESO di kediaman arwah di Balakong hari ini berkata, waris bekas jurugambar berkenaan diberikan Faedah Pengurusan Mayat (FPM) sehingga RM2,000 yang dibayar secara sekali gus, selain Faedah Pencen Penakat.

Katanya, pengiraan Faedah Pencen Penakat dibuat berdasarkan semakan terhadap rekod caruman PERKESO arwah yang berkhidmat selama 18 tahun dan lapan bulan, di tiga syarikat berbeza sejak 1996.

“Walaupun sudah tiga tahun arwah diberhentikan kerja susulan penutupan operasi Kumpulan Utusan, warisnya masih layak menerima Pencen Penakat berjumlah RM2,567.50 setiap bulan, bermula 1 November 2023.

“Bayaran pencen ini akan diagihkan mengikut syer kepada orang tanggungan iaitu

suami arwah untuk sepanjang hayatnya dan tiga lagi anak sehingga berusia 21 tahun atau selama melanjutkan pengajian di peringkat ijazah pertama. Semoga dengan faedah daripada PERKESO ini dapat menampung kelangsungan hidup suami dan anak arwah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan kunjungan Ziarah Prihatin di kediaman arwah, yang turut dihadiri Pengarah PERKESO Selangor, Ismail Abi Hashim.

Berikutan penamatan operasi syarikat Kumpulan Utusan (M) Berhad pada 2019, arwah Noor Azlina yang turut terlibat dalam pemberhentian kerja juga menerima faedah Elaun Mencari Pekerjaan (EMP) PERKESO, menerusi peruntukan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) bagi tempoh selama dua bulan, dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM5,135.

Bagaimanapun, arwah mengambil keputusan menarik diri daripada meneruskan program pencarian kerjaya yang direncana PERKESO menerusi Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) pada bulan ketiga kerana berhasrat untuk memberikan tumpuan kepada perniagaan sendiri ketika itu.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*leaves no one behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MyFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat
25 OKTOBER 2023**

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Luqman Arif Abdul Karim

+6012-2087770

arif.karim@perkeso.gov.my